

## **Usul hudud dijangka ditolak di parlimen**

**Free Malaysia Today**

**31 March 2014**

**Oleh Adam Abu Bakar**

PETALING JAYA: Usul mengenai hudud dijangka ditolak, dan tidak dipandang oleh Speaker Dewan Rakyat.

Menurut Naib Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, usul pelaksanaan undang-undang hudud dikategorikan sebagai usul persendirian.

“Sekiranya ada mana-mana pihak yang ingin menyatakan usul persendirian, ia akan diletakkan di bahagian bawah termasuklah hukum hudud, dan apabila tiba waktu untuk dibahaskan, masa pula tidak mencukupi,

“Apabila masa tidak mencukupi, usul tersebut akan ditolak mentah-mentah oleh ahli parlimen,” ujarnya sewaktu dihubungi melalui telefon kepada FMT mengulas saranan ahli majlis tertinggi Umno, Dr Ashraf Wajdi Dusuki supaya PAS membentangkan usul hukum hudud di parlimen.

Jelasnya lagi, perkara ini bukanlah perkara pertama yang cuba untuk dibawa oleh PAS, sebelum ini Presiden PAS Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang sendiri pernah cuba untuk membawa isu murtad ke parlimen, tetapi telah sebulat suara ditolak.

Bukan itu sahaja, sebelum ini, banyak pihak yang mengecam pelaksanaan undang-undang hudud di Malaysia, kerana beranggapan bahawa hukuman hudud tidak adil.

Tuan Ibrahim turut menambah, hingga kini, draf pelaksanaan undang-undang hudud sedang dilaksanakan, malahan dana untuk pelaksanaan undang-undang hudud juga telah disediakan.

“Hukuman hudud dapat direalisasikan dan dilaksanakan sekiranya mendapat sokongan seluruh ahli parlimen,” Katanya.

Tambahnya, tidak dinafikan pelaksanaan hukum hudud mengambil masa yang lama, kerana soal pelaksanaan undang-undang hudud ini harus diteliti dan dikaji daripada pelbagai aspek.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/31/usul-hudud-dijangka-ditolak-di-parlimen/>